

**Mahasiswa Diajak Bersama Kerajaan Capai Status Negara Maju - Muhyiddin Bernama**  
**1 Okt, 2013**

KOTA KINABALU, 1 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengajak golongan mahasiswa supaya bersama-sama dengan kerajaan merealisasikan matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Muhyiddin berkata mereka seharusnya menghargai suasana aman dan kemajuan yang dinikmati negara sekarang dan merasa bertanggungjawab bagi meningkatkan tahap kemajuan negara supaya menjadi lebih baik pada masa depan.

"Ada ramalan pakar-pakar ekonomi yang menganalisis ekonomi Malaysia berkata kepada kami Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan saya dalam mesyuarat kabinet bahawa Malaysia boleh mencapai pembangunan negara bagi ekonomi tinggi lebih awal, mungkin pada 2018, iaitu dua tahun lebih awal daripada tempoh yang dijangkakan pada 2020," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis ramah mesra siswa siswi Universiti Malaysia Sabah (UiTM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Sabah di Dewan Canselor UMS di sini, Selasa.

Turut hadir Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman dan Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan berkata Program Transformasi Kerajaan berjaya meningkatkan pendapatan perkapita rakyat daripada US\$320 pada era merdeka kepada US\$9,970 pada tahun lepas.

"Pendapatan perkapita rakyat menunjukkan perbezaan ketara, ketika waktu kita mencapai kemerdekaan pendapatan perkapita US\$320 (kira-kira RM1,024) naik kepada US\$1,820 (1980); US\$2,370 pada 1990 meningkat kepada US\$6,700 pada 2009 dan naik kepada US\$9,700 (kira-kira RM31,000) (pada 2011) dan US\$9,970 pada tahun lepas," katanya.

Oleh yang demikian, katanya, kerajaan mensasarkan pendapatan rakyat akan mencecah sehingga US\$15,000 (kira-kira RM48,000) yang diyakini mampu dicapai berdasarkan pelbagai usaha dan dasar sebagai sebuah negara bertaraf maju.

Menurutnya, kemajuan yang dikecapi negara turut mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk mengurangkan kadar pengangguran yang dianggarkan tiga peratus pada masa ini.

"Dianggarkan sejumlah tiga juta pekerja asing bekerja di Malaysia dengan dua juta daripadanya masuk menerusi saluran yang betul manakala sejuta lagi tanpa izin.

"Maksudnya kita ada peluang yang banyak dan dalam tempoh beberapa tahun menerusi Dasar Transformasi Nasional, kita akan mewujudkan 3.3 juta peluang kerja dan seharusnya tiada penganggur kalau tidak memilih (pekerjaan) atau seseorang itu mempunyai ilmu keushawanan tanpa perlu bekerja dengan kerajaan atau swasta sebaliknya membuka perniagaan sendiri," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap mahasiswa menggunakan segala kemudahan dan bantuan yang disediakan untuk mencapai kejayaan agar dapat memberi sumbangan dan khidmat kepada kerajaan pada masa depan.

Pada majlis itu, Muhyiddin dan Musa menyaksikan penyerahan kunci antara pemaju pembinaan kolej kediaman baru UMS yang diwakili Pengerusi Bina Puri Holdings Sdn Bhd, Tan Sri Wong Foon Meng kepada Dr Mohd Harun.

Kolej kediaman yang dilengkapi pelbagai kemudahan pelajar itu terdiri daripada tiga blok apartmen merangkumi 384 unit rumah dengan keluasan 840 kaki persegi seunit yang boleh menampung 2,688 pelajar.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=982057>